

SOALAN NO: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]**  
**TARIKH : 19 MAC 2018**  
**SOALAN : 49**

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf bangunan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Daerah Pitas ke konkrit memandangkan bangunan sedia ada masih bangunan kayu dan sangat uzur.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang prihatin akan keperluan untuk membina sebuah klinik kesihatan yang baharu untuk menggantikan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Daerah Pitas yang sedia ada. Sehubungan dengan itu, KKM sedang dalam proses untuk mengenalpasti tapak yang bersesuaian bagi pembinaan klinik kesihatan yang baharu. Cadangan pembangunan klinik kesihatan ini akan dipohon setelah tapak projek dikenalpasti dan dibuat perolehan.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa menjalankan pembaikan ke atas fasiliti sedia ada sehingga klinik yang baharu dibina di masa depan.

101

SOALAN ( 50 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 MAC 2018  
[ ISNIN ]

DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ANNUAR BIN MUSA  
[ KETEREH ]

SOALAN :

**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah diperkenalkan sejak 2010 khususnya dalam meningkatkan jumlah penawaran pekerjaan sektor perkhidmatan dan apakah sasaran terkini sehingga 2018 ke arah pengurangan kadar pengangguran terutamanya dalam kalangan graduan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak diperkenalkan pada tahun 2010, Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang kini berusia 8 tahun adalah berteraskan dua komponen utama, iaitu fokus dan daya saing. Program ini merangkumi 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan dipacu oleh enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Gabungan NKEA dan SRI ini disasarkan untuk melonjakkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per Kapita Malaysia kepada status negara berpendapatan tinggi, mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu dan menarik pelaburan berjumlah US\$444 bilion menjelang tahun 2020. Secara keseluruhan, negara kita semakin hampir dengan sasaran yang ditetapkan dan hasil pencapaian ETP dapat dirumuskan dengan penunjuk utama prestasi seperti berikut:

**1. Pertumbuhan Ekonomi Yang Dinamik**

Sejak 2010, Malaysia telah berjaya mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang membanggakan. Pertumbuhan KDNK secara purata di antara 2010 dan 2017 ialah 5.2 peratus. Pencapaian ini adalah dua kali ganda purata pertumbuhan ekonomi

dunia. Hasil daripada dasar kerajaan yang berkesan serta usaha rakyat untuk memajukan ekonomi negara, perkembangan KDNK ini telah menjangkau ramalan pakar ekonomi.

## **2. PNK per Kapita Semakin Menghampiri Paras Negara Pendapatan Tinggi**

Menurut Bank Dunia yang mengguna pakai kaedah Atlas, tahap PNK per Kapita bagi negara maju bagi tahun 2010 adalah US\$12,275. Pada masa itu, PNK per Kapita Malaysia hanya pada US\$8,230. Peratusan jurang PNK per Kapita Malaysia daripada negara maju adalah sebanyak 33 peratus.

Pada tahun 2017, hasil daripada pelaksanaan ETP, PNK per Kapita Malaysia telah meningkat kepada US\$9,660; dalam masa yang sama tahap PNK per Kapita bagi negara maju telah menurun kepada US\$12,087. Fakta ini menunjukkan bahawa Malaysia telah berjaya merapatkan jurang kepada tahap negara maju daripada 33% pada 2010 kepada 20% pada 2017, di mana peningkatan PNK per Kapita akan membawa kepada peningkatan pendapatan dan kuasa beli rakyat Malaysia yang lebih tinggi dan mampan.

### **3. Peluang Pekerjaan Kian Meningkat**

Sejak tahun 2009, kadar pengangguran menyusut daripada 3.7 peratus kepada 3.4 peratus pada 2017. Bagi keseluruhan tenaga kerja Malaysia yang berjumlah 15.1 juta, 14.6 juta daripadanya diambil bekerja. Selain itu, sejak ETP dilancarkan pada tahun 2010, sejumlah 2.68 juta pekerjaan ditambahkan kepada tenaga buruh Malaysia. Sektor-sektor *National Key Economic Area (NKEA)* di bawah ETP telah menyumbang sebahagian besar daripada jumlah ini, iaitu hampir 90 peratus daripada keseluruhan jumlah pekerjaan tambahan.

### **4. Sumbangan Pelaburan Swasta Semakin Meningkat**

Selepas ETP diperkenalkan, kadar pertumbuhan pelaburan swasta antara 2011 dan 2017 telah mencapai 10.5 peratus. Kadar pertumbuhan ini adalah 2 kali ganda kadar pertumbuhan antara tahun 2006 dan 2010, iaitu 5.5 peratus. Oleh itu, peratus pelaburan swasta daripada jumlah pelaburan telah meningkat daripada 55 peratus pada 2010 kepada 68 peratus pada 2017. Ini membuktikan keyakinan pelabur swasta kepada kekuatan ekonomi negara untuk terus tumbuh dengan pesat and mampan.

105

## **5. Langkah-Langkah Konsolidasi Fiskal Berjalan Lancar**

Malaysia tetap komited untuk mengurangkan defisit fiskalnya dan sejak tujuh tahun lepas telah berusaha dengan gigih untuk memenuhi sasaran defisit. Kita telah berjaya mengurangkan defisit fiskal daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3 peratus pada tahun 2017. Pencapaian ini adalah hasil daripada dasar bertanggungjawab kerajaan untuk mengurangkan pergantungan hasil kerajaan daripada sumber minyak dan penggunaan kewangan awam secara teliti.

## **6. Pembangunan Ekonomi yang Inklusif**

Menerusi fakta pertumbuhan KDNK dan PNK per Kapita, jelas bahawa Malaysia adalah atas landasan yang betul untuk mencapai tahap negara maju. Perlu ditekankan bahawa pembangunan ekonomi negara adalah pembangunan yang inklusif. Hal ini jelas terbukti dengan kadar kemiskinan yang telah menurun daripada 3.8 peratus pada 2009 kepada 0.4 peratus pada 2016 berdasarkan banci pendapatan isi rumah terkini. Kemiskinan tegar telah turut disifarkan di negara kita, hasil pelbagai usaha kerajaan untuk membantu golongan miskin dan luar bandar dalam meningkatkan daya keusahawanan bagi mempertingkatkan pendapatan mereka secara mampan. Bagi pekerja, penguatkuasaan

Perintah Gaji Minimum 2012 telah memastikan bahawa semua pekerja mempunyai jaminan gaji yang paling rendah iaitu RM1,000 di Semenanjung Malaysia and RM920 di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai penawaran pekerjaan sektor perkhidmatan, sejumlah 1.78 juta pekerjaan perkhidmatan telah ditambahkan kepada tenaga buruh Malaysia di antara tahun 2010 hingga 2016. Jumlah ini merupakan 79 peratus daripada keseluruhan pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh ini. Selain daripada itu, hampir satu pertiga penduduk bekerja daripada keseluruhan adalah pekerja mahir dalam kumpulan pekerjaan Pengurus, Profesional dan Juruteknik dan profesional bersekutu.

Untuk tahun 2018, sasaran kerajaan adalah untuk mengekalkan kadar pengangguran tidak melebihi pada 3.5 peratus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) mentakrifkan guna tenaga penuh sebagai kadar pengangguran di bawah 4 peratus. Oleh itu, senario semasa yang mana kadar pengangguran di bawah 4 peratus menunjukkan ekonomi negara kekal beroperasi dalam keadaan guna tenaga penuh.



Kerajaan juga memperkenalkan pelbagai program kebolehpasaran graduan untuk meningkatkan nilai tambah graduan dan menjana peluang kerjaya. Contohnya, Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), setakat 31 Disember 2017, seramai 144,440 graduan telah berjaya dibantu secara langsung dan tidak langsung dalam memperkasakan kebolehpasaran diri melalui latihan SL1M di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian serta melalui program-program yang dianjurkan oleh SL1M di seluruh negara.

Kesimpulannya, Kerajaan akan terus mengambil pelbagai langkah yang proaktif untuk memajukan modal insan tempatan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018